NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA

EDISI
OKTOBER
2026

WADAH

Untuk layari laman sesawang wadah imbas kod QR ini.

JOM SCAN



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

MEMACU KELANGSUNGAN KEPIMPINAN MADANI 2027–2031



Saudara-saudara warga WADAH yang saya muliakan, berakhirnya MUKNAS 2026 bukanlah titik noktah perjuangan. Inilah masanya kita menterjemahkan amanat muktamar kepada gerak kerja yang tersusun demi kelangsungan kepimpinan MADANI bagi tempoh 2027–2031.

Dalam mendepani perubahan dunia, kita mesti memperkukuh budaya ilmu dan kecerdasan geopolitik dalam kalangan ahli. Hidupkan usrah, wacana dan Nadwah Ilmuwan untuk memahami perubahan politik, ekonomi serta teknologi dunia dan kesannya kepada kehidupan rakyat. Satukan penghayatan wahyu dan turath dengan penyelidikan kontemporari agar pandangan serta tindakan kita sentiasa berpaksikan fakta dan hikmah.

Seiring dengan itu, syura dan kesatuan mesti terus menjadi kekuatan gerakan kita. Peliharalah mata rantai WADAH, ABIM dan PKPIM dengan adab berbeza pandangan dan disiplin organisasi. Jadikan Fiqh Awlawiyyat dan Fiqh Muwazanah panduan menentukan keutamaan. Kita juga perlu mendukung pengukuhan HIKAM bersama rakan gerakan Islam supaya kesepakatan diterjemahkan kepada usaha yang membawa maslahat umat.

Bagi menjamin kesinambungan perjuangan, saya menyeru agar pembinaan kader dan pelapis tidak ditangguhkan. Kenal pasti potensi anak muda dan para profesional melalui MAKTAB serta Nadwah Ilmuwan. Berikan mereka latihan, amanah dan peluang memimpin dalam bidang dakwah, pendidikan, ekonomi, teknologi serta diplomasi. Kita memerlukan generasi yang teguh jati dirinya, luas ilmunya dan cekap menghadapi cabaran baharu.

Pada peringkat akar umbi pula, Pusat Tunas Nahdah hendaklah diperkasakan sebagai wahana khidmat masyarakat di setiap daerah. Turunlah mendengar suara rakyat, mendampingi keluarga, membimbing anak muda dan membantu golongan rentan. Ukuran kejayaan kita bukan sekadar banyaknya program yang dianjurkan, tetapi manfaat yang benar-benar dirasai serta maruah penerima yang sentiasa dipelihara.

Dalam masa yang sama, pendidikan dan kepimpinan wanita mesti terus menjadi keutamaan. Dukung pengukuhan Institusi Pendidikan ABIM, cita-cita Sekolah Ummatik dan aspirasi Universiti Darul Hikmah. Pada masa yang sama, perkukuh Sekolah Kepimpinan Perempuan ABIM untuk mencungkil bakat dan menyediakan ruang kepimpinan wanita dalam keluarga, komuniti serta kehidupan awam. Pendidikan hendaklah melahirkan insan berilmu, berakhlak dan bersedia berkhidmat.

Menyedari besarnya pengaruh teknologi, kita perlu menjadi penyampai maklumat yang amanah di medan digital. Amalkan tabayyun sebelum berkongsi berita dan jangan terjebak dalam fitnah atau manipulasi. Hasilkan kandungan dakwah yang sahih, segar dan beradab melalui media sosial serta pelantar pembelajaran. Manfaatkan kecerdasan buatan sebagai alat bantu, tetapi kekalkan ilmu, pertimbangan manusia dan akhlak sebagai pedoman.

Dalam konteks kehidupan bernegara, kita sebagai rakan islah hendaklah mendukung kebaikan dan menegur kekurangan dengan hikmah. Menjelang PRU16, bimbing masyarakat menilai dasar serta tawaran politik berdasarkan fakta, integriti dan keperluan sebenar rakyat, termasuk pekerjaan, kos sara hidup, pendidikan dan kesihatan. Hormatilah kebebasan membuat pilihan; tugas kita mencerdaskan, bukan memaksakan.

Tidak kurang pentingnya, dalam bidang ekonomi dan tadbir urus, suburkan daya tahan masyarakat dengan menyokong perusahaan tempatan, produktiviti serta peluang generasi muda. Hayati nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dalam pengurusan organisasi. Perkukuh ketelusan dan pertanggungjawaban, di samping menjadikan masjid serta institusi Islam pusat ilmu, kebajikan dan pembangunan komuniti.

Melangkaui sempadan negara, kita perlu memperluas jaringan kerjasama dan khidmat kemanusiaan. Susuli MALINDO MADANI melalui kerjasama bermakna bersama MACASID dan jaringan antarabangsa. Teruskan solidariti terhadap rakyat Palestin, Kashmir, Rohingya, Patani, Uyghur serta semua yang ditindas. Tegakkan keadilan, perdamaian dan penghormatan terhadap maruah insan tanpa mengira bangsa atau agama.

Saudara-saudara, marilah kita menyusun keutamaan, menyatukan fikrah dan menggerakkan amal. Pemimpin akan berganti, tetapi amanah mesti diwariskan. Dengan ilmu, ukhuwwah dan kesungguhan, kita terus membangunkan umat serta negara.

DATO' AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN
Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)



DARI MEJA SETIAUSAHA AGUNG

Waad Kerajaan kepada Rakyat : Belanjawan 2027

Belanjawan 2027 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI), pada 9 Oktober 2026 memperlihatkan usaha kerajaan mengimbangi kebajikan rakyat dengan keperluan pembangunan ekonomi serta disiplin fiskal negara. Peruntukan sebanyak RM16 bilion bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), peningkatan gaji minimum kepada RM2,000 mulai Jun 2027 serta pelepasan cukai pendapatan individu yang lebih tinggi merupakan antara langkah yang berpotensi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi tekanan kos sara hidup.

Walau bagaimanapun, keberkesanan belanjawan ini tidak seharusnya diukur melalui jumlah peruntukan semata-mata. **Ukuran yang lebih penting ialah sejauh mana ia membawa perubahan sebenar terhadap kuasa beli rakyat, kestabilan harga barangan keperluan, peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan isi rumah.** Bantuan kewangan sememangnya mampu meringankan beban rakyat dalam jangka pendek. Namun, penyelesaian jangka panjang menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh, khususnya dalam mengawal kos perumahan, makanan, pengangkutan dan perkhidmatan asas. Hanya dengan demikian, manfaat pembangunan dapat dirasai secara adil oleh seluruh lapisan masyarakat.

Dari sudut pelaksanaan, tuntutan utama terhadap kerajaan ialah **memastikan setiap dasar dan peruntukan benar-benar diterjemahkan kepada hasil yang nyata melalui pelaksanaan yang cekap dan telus.** Petunjuk prestasi yang jelas perlu ditetapkan, penyaluran bantuan mesti dipantau agar sampai kepada penerima yang layak, manakala pelaksanaan projek pembangunan perlu dipercepat tanpa membuka ruang kepada ketirisan, pembaziran dan penyalahgunaan dana awam. Pada masa yang sama, kenaikan gaji minimum perlu seiring dengan usaha meningkatkan produktiviti, membantu perusahaan kecil dan sederhana serta menggalakkan pewujudan pekerjaan dengan gaji yang munasabah. Langkah ini penting agar pelaksanaannya tidak membebankan majikan atau mendorong kenaikan harga barangan yang akhirnya kembali menekan rakyat.

Secara keseluruhannya, **kejayaan Belanjawan 2027 bergantung pada keupayaan kerajaan menunaikan janji, memperkukuh tadbir urus dan memastikan pertumbuhan ekonomi benar-benar meningkatkan kesejahteraan rakyat.** Kita yakin bahawa di bawah kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Belanjawan 2027 dapat dilaksanakan dengan baik dan bijaksana. Namun, keyakinan ini perlu disertai dengan pelaksanaan yang berkesan dan akauntabiliti yang jelas. Rakyat berhak menuntut laporan kemajuan secara berkala, penilaian keberhasilan yang boleh diukur serta tindakan pembetulan sekiranya sasaran tidak tercapai. Dengan komitmen pelaksanaan yang konsisten serta pengawasan Parlimen dan masyarakat, belanjawan ini berpotensi menjadi instrumen yang benar-benar membawa kesejahteraan kepada rakyat, bukan sekadar pengumuman dasar dan angka peruntukan tahunan.

Ijtima' Haraki dan 20 Tahun WADAH

Ijtima' Haraki yang berlangsung di Dewan Besar UPM telah menghimpunkan tiga organisasi besar, iaitu PKPIM, ABIM dan WADAH. Perhimpunan ini disempurnakan oleh YB Menteri, Dr. Zulkifli, dan disusuli dengan seminar geopolitik. Pada sebelah malamnya, kita mengadakan Jamuan Makan Malam bagi meraikan para perwakilan dan pemerhati, yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. MUKNAS pula menjadi simpulan kepada perhimpunan ini, apabila para perwakilan berpeluang membahaskan isu-isu semasa gerakan serta mengatur tindakan bagi tahun berikutnya.

Dua puluh tahun WADAH mengharungi liku-liku perjuangan, merentas badai dan gelombang, menyaksikan silih bergantinya para pejuang yang datang dan pergi. Namun, obor perjuangan tetap menyala, tidak pernah padam. Setiap langkah meninggalkan jejak, setiap pengorbanan menambah makna, dan setiap cabaran mendewasakan jiwa serta mematangkan gerakan. Di sepanjang perjalanan ini, kita belajar bahawa perjuangan bukan sekadar tentang siapa yang memulakan, tetapi siapa yang sanggup meneruskan. Bukan tentang siapa yang paling lama bertahan, tetapi siapa yang tetap teguh berpegang pada prinsip, istiqamah dalam amal dan setia kepada cita-cita perjuangan. Dua puluh tahun ini bukan sekadar angka untuk diraikan. **Ia bukti ketahanan sebuah gerakan yang terus berdiri, diperkukuh oleh pengalaman, dipandu oleh keyakinan dan disatukan oleh matlamat yang lebih besar daripada kepentingan diri.**

WADAH bukan sekadar persinggahan dalam perjalanan perjuangan kita. WADAH ialah medan untuk kita kembali memperteguh tekad, menyegarkan semangat dan menggilap jiwa yang mungkin pernah lelah. **Di sinilah mereka yang hampir rebah dibangkitkan, yang kehilangan arah dipandu semula, dan yang semakin pudar semangatnya disuntik dengan harapan serta keyakinan.** Kita mungkin berbeza dari segi usia, pengalaman dan keupayaan, namun amanah dan cita-cita perjuangan tetap menyatukan kita. Selagi hayat dikandung badan, selagi itulah perjuangan ini akan diteruskan, tanpa jemu dan tanpa berpaling. **Biarlah WADAH menjadi destinasi terakhir perjuangan kita, tempat kita menumpahkan seluruh bakti, menyempurnakan amanah dan mengakhiri perjalanan dengan penuh kesetiaan.** Bukan kerana tiada jalan lain untuk dituju, tetapi kerana di sinilah kita memilih untuk terus teguh berdiri, berkhidmat dan menyerahkan seluruh jiwa kepada perjuangan yang kita yakini. Dua puluh tahun telah berlalu. Namun, selagi perjuangan ini belum selesai, kita tidak akan berhenti melangkah.

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung WADAH
Oktober 2026

ERA PASCANORMAL UJI KETAHANAN DAN ARAH TAMADUN DUNIA



KAJANG, 1 SEPTEMBER 2026 – Kuliah Tanwir Ummah bertajuk "Tamadun Dunia di Persimpangan: Mendepani Cabaran Era Postnormal" telah mengangkat persoalan besar tentang hala tuju peradaban manusia ketika dunia berdepan perubahan yang semakin pantas, kompleks dan sukar diramal. Wacana ini meneliti bagaimana perkembangan teknologi, perubahan geopolitik, krisis maklumat dan ketidaktentuan sosial menuntut masyarakat membina kerangka pemikiran yang lebih matang dalam membaca perubahan zaman.

Era pascanormal lazim dihuraikan melalui tiga ciri utama, iaitu kompleksiti, kekacauan dan kontradiksi, yang menjadikan cabaran semasa saling bertaut dan tidak lagi boleh ditangani secara terpisah. Justeru, pengisian Kuliah Tanwir Ummah ini membawa perhatian kepada keperluan membina ketahanan tamadun melalui kekuatan ilmu, nilai, daya fikir strategik dan keupayaan menyesuaikan diri tanpa kehilangan asas moral serta kemanusiaan.

NANTIKAN BULETIN PENUH
DALAM E-NAHDAH EDISI KHAS IJTIMAK HARAKIY 8.



IJTIMAK HARAKIY 8 SATUKAN FIKRAH, GERAKKAN ASPIRASI UMMAH



IJTIMAK Harakiy 8 menjadi medan penting menghimpunkan pimpinan dan penggerak WADAH, ABIM serta PKPIM dalam satu pertemuan besar bagi memperkukuh ukhuwah, menyelaraskan fikrah dan memperbaharui komitmen terhadap agenda dakwah serta pembangunan umat. Himpunan ini turut menjadi ruang menilai perubahan semasa, memperhalusi cabaran gerakan dan menyusun langkah yang lebih strategik dalam mendepani realiti masyarakat yang semakin kompleks.

Melalui rangkaian pengisian, wacana dan pertemuan kepimpinan, Ijtimak Harakiy 8 membawa semangat kesatuan antara generasi gerakan serta menegaskan keperluan membina kader yang berilmu, berprinsip dan bersedia memikul amanah perubahan. Lebih daripada sebuah perhimpunan, ijtimak ini menjadi titik temu untuk menghubungkan pengalaman, memperbaharui tekad dan menggerakkan agenda umat dengan lebih tersusun.

Dialog Ummah Bedah Integriti, Masa Depan Tabung Haji







BANDAR BARU BANGI, 3 SEPTEMBER 2026 – Dialog Ummah: Realiti dan Masa Depan Tabung Haji telah menghimpunkan lebih 600 peserta di Tenera Hotel & Suites dalam wacana besar mengenai Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI), pemulihan institusi serta masa depan Lembaga Tabung Haji (TH). Program anjuran Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) yang menghimpunkan WADAH, IKRAM, ABIM dan HALUAN ini turut disertai kepimpinan tertinggi TH, ahli akademik, pakar kewangan syariah, pengamal undang-undang serta pembuat dasar.

Membuka dialog, Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman, yang mewakili HIKAM, menyeru masyarakat menilai isu Tabung Haji melalui fakta, budaya tabayyun dan wacana yang matang. Beliau menegaskan bahawa dapatan RCI perlu dilihat sebagai persoalan amanah, integriti dan akauntabiliti, bukannya dipolitikkan atau dijadikan sentimen perkauman. Sebarang salah laku yang dibuktikan perlu ditangani melalui proses undang-undang secara adil, tanpa menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap institusi Tabung Haji itu sendiri.











Slot pertama, "Tabung Haji: Pencapaian dan Strategi Masa Depan", menampilkan Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abdul Rashid Hussain, bersama Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tuan Mustakim Mohamad. Pembentangan memberi perhatian kepada proses pemulihan selepas RCI, pelaksanaan syor reformasi, pengukuhan struktur tadbir urus serta prestasi kewangan semasa. TH turut membentangkan pencapaian tahun kewangan 2025 yang merekodkan pendapatan pelaburan RM4.64 bilion serta agihan keuntungan 3.50 peratus kepada lebih 9.7 juta pendeposit.






Wacana diteruskan menerusi slot kedua, “Islah Tadbir Urus: Tata Kelola Syariah dan Integriti Kewangan”, yang menghimpunkan Dr. Mohamed Hadi Abd Hamid, Dato’ Khalid Ahmad dan Encik Faiz Ahmad, dengan Ustaz Nu’man Hani Jamal sebagai hos. Perbincangan menekankan kepentingan memperkukuh pengawasan syariah, sistem audit, pengurusan risiko, ketelusan kepada pendeposit serta integriti individu yang mengendalikan amanah institusi, supaya pembaharuan Tabung Haji tidak hanya bersifat teknikal tetapi turut dibina atas asas etika dan kebertanggungjawaban.







Slot ketiga, “Tabung Haji: Muhasabah dan Masa Depan”, menampilkan Tuan Nurhisham Hussein, Pengarah Kanan Ekonomi dan Kewangan, Pejabat Perdana Menteri, bersama Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa, Ahli Dewan Negara, dengan Nizal Mohammad sebagai hos. Sesi ini mengalihkan fokus kepada persoalan bagaimana reformasi Tabung Haji dapat diinstitusikan agar kekal melangkaui perubahan kepimpinan dan kerajaan. Perbincangan turut menyentuh kepentingan memperkukuh kawalan dalaman, pengurusan risiko, pelantikan berasaskan merit serta pembinaan pelapis profesional bagi memastikan kelemahan masa lalu tidak berulang.






WADAH WILAYAH RAIH ANUGERAH KHAS DAKWAH MAULIDUR RASUL





KUALA LUMPUR, 6 SEPTEMBER 2026 – WADAH Wilayah Persekutuan telah menerima Anugerah Khas Organisasi Kategori Dakwah sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan 1448H/2026M yang berlangsung di Dewan Muktamar JAWI, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. Majlis bertemakan "MADANI Dihayati, Ummah Diberkati" itu menghimpunkan kira-kira 1,200 tetamu dan disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), bersama barisan kepimpinan MAIWP dan JAWI.

Pengiktirafan ini menjadi penghargaan terhadap gerak kerja dakwah WADAH Wilayah Persekutuan yang konsisten menggabungkan tarbiah, wacana intelektual, pembangunan keluarga, dakwah urban dan khidmat kebajikan kepada masyarakat. Selain WADAH, anugerah khas turut diberikan kepada Masjid At-Taqwa TTDI bagi kategori Masjid/Surau, Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur bagi kategori Kemanusiaan dan SIRAJ Abdullah Ibnu Abbas bagi kategori Pendidikan, manakala Prof. Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah dinobatkan sebagai Tokoh Utama Maulidur Rasul Wilayah Persekutuan.

MENDAMAIKAN RUMAH, MELINDUNGI ANAK DARIPADA ANCAMAN DIGITAL



KUALA LUMPUR, 6 SEPTEMBER 2026 – WADAH bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dengan kerjasama Pusat Tunas Nahdah WADAH, SALWA dan Surau At-Taqwa, telah menganjurkan Bengkel Keibubapaan Era Digital bertemakan "Mendamaikan Rumah: Menyelamatkan Generasi" di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati. Bermula jam 8.30 pagi, program ini menyantuni ibu bapa daripada komuniti PPR Cochrane Perkasa dan PPR Kampung Baru Air Panas dengan tiga pengisian utama oleh Puan Nor Akmariah Abdullah mengenai pengurusan tekanan kewangan dan emosi, Puan Badariah Ismail mengenai pendidikan anak generasi digital, serta Encik Kamarul Azami Mohd Zaini mengenai pencegahan akses pornografi dan keselamatan digital.

Selain membekalkan ibu bapa dengan kemahiran komunikasi keluarga, pengurusan penggunaan gajet dan kawalan keselamatan siber, program turut menggabungkan elemen kebajikan dengan penyerahan 100 pek barangan keperluan asas kepada keluarga daripada dua komuniti PPR tersebut. Bengkel yang berakhir sekitar jam 12.30 tengah hari ini mencerminkan pendekatan WADAH dalam memperkasa institusi keluarga secara menyeluruh, dengan menghubungkan pendidikan keibubapaan, kesejahteraan emosi, literasi digital dan kepedulian sosioekonomi bagi membina rumah yang lebih aman serta generasi yang lebih terlindung.

SAUDARA BAHARU DIPANDU, ISLAM DIHAYATI SEBAGAI CARA HIDUP



GEORGE TOWN, 8 SEPTEMBER 2026 – WADAH melalui Pusat Tunas Nahdah (PTN) telah menganjurkan Program Kelas Pendidikan Islam bertajuk "Islam Cara Hidup yang Lengkap" di Islamic Outreach ABIM (IOA ABIM) Pulau Pinang, Lebuh Acheh, dengan kerjasama Yayasan Taqwa MAIWP, IOA ABIM Pulau Pinang dan Penang Deaf Association (PDA). Dikendalikan oleh Ustaz Mohamed Hafiz bin Said Ahamed, kelas ini membimbing saudara baharu memahami Islam sebagai cara hidup menyeluruh yang merangkumi hubungan dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam, selain asas akidah, ibadah, kekeluargaan, etika kerja serta pembentukan akhlak.

Pendekatan santai dan interaktif memberi ruang kepada peserta, termasuk komuniti OKU pendengaran, untuk bertanya serta berkongsi pengalaman sepanjang proses penghijrahan mereka. Program turut disempurnakan dengan penyerahan Pek Ceria Dapur kepada setiap peserta sebagai sokongan kebajikan, sekali gus memperlihatkan pendekatan dakwah WADAH yang menggabungkan pendidikan, ukhuwah dan santunan sosial dalam membantu saudara baharu membina keyakinan serta istiqamah dalam kehidupan sebagai Muslim.

PRESIDEN WADAH BAWA FIKRAH SIDDIQ FADZIL KE UNISEL

BESTARI JAYA, 9 SEPTEMBER 2026 – Presiden WADAH, YBhg. Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, telah menerima watikah pelantikan sebagai Profesor Adjung Institut Pemikiran dan Kepimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF), Universiti Selangor (UNISEL) dalam Majlis Watikah Pelantikan Profesor Adjung dan Profesor Wakaf Ilmu yang berlangsung di Bilik Seminar Siddiq Fadzil, UNISEL Kampus Bestari Jaya. Majlis yang bermula sekitar jam 9.30 pagi itu telah dirasmikan oleh Presiden dan Naib Canselor UNISEL, Prof. Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan Basri.

Sejurus menerima watikah, Dato' Ahmad Azam menyampaikan Syarahan Khas Profesor Adjung bertajuk "Amanah Fikrah Siddiq Fadzil: Dari Warisan Pemikiran Ke Pemikiran Berwawasan". Beliau menegaskan bahawa legasi pemikiran Allahyarham Dr. Siddiq Fadzil tidak seharusnya berhenti sebagai nostalgia, sebaliknya perlu diterjemahkan ke dalam pemikiran dan tindakan yang relevan dengan cabaran semasa, termasuk melalui gagasan Fiqh al-Hayah, Fiqh Ta'ayush, Masyarakat Madani dan prinsip wasatiyyah.





TUDM SUBANG SEMARAK MAULIDUR RASUL BERSAMA PRESIDEN WADAH

SUBANG, 11 SEPTEMBER 2026 – Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyampaikan ceramah sempena sambutan Maulidur Rasul kepada anggota badan beruniform Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pangkalan Udara Subang. Beliau hadir dalam kapasiti sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) YADIM, sebuah platform yang menghimpunkan NGO Islam bagi menyelaras dan memperluas gerakan dakwah di Malaysia.

Pengisian tersebut menjadi ruang mengajak warga TUDM menghayati sirah dan keperibadian Rasulullah SAW sebagai panduan dalam melaksanakan amanah, membina disiplin serta memelihara nilai keimanan ketika berkhidmat mempertahankan negara. Penganjuran pengisian kerohanian dalam kalangan warga pertahanan turut selari dengan usaha membina kesatuan, kebersamaan dan kekuatan spiritual anggota Angkatan Tentera Malaysia.







TIGA BENTENG KELUARGA HADAPI CABARAN ERA DIGITAL



KUALA LUMPUR, 12 SEPTEMBER 2026 – Bengkel Keibubapaan Era Digital telah berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari di Dewan Terbuka, Dataran PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur, dengan memberi tumpuan kepada pembinaan keluarga yang lebih harmoni, celik undang-undang dan kukuh dari sudut akidah serta akhlak. Sesi pertama, "Dari Konflik kepada Komunikasi: Membina Keluarga yang Lebih Harmoni", disampaikan oleh Puan Norazizah Abd Aziz, Penasihat Rahmah Support Team (RST), manakala Dr. Hajah Fatimah Yusro Hashim dari Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), membimbing peserta memahami hak dan perlindungan dalam rumah tangga.

Bengkel diteruskan dengan sesi "Dunia Tanpa Sempadan: Melindungi Akidah dan Akhlak Keluarga" oleh Ustaz Afifuddin Abdulmuiz bin Hamid, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Dakwah JAWI. Gabungan tiga pengisian ini memberi peserta panduan praktikal untuk mengurus konflik secara matang, memahami perlindungan undang-undang serta memelihara nilai agama dalam keluarga, sekali gus membina ketahanan institusi keluarga menghadapi cabaran kehidupan moden dan dunia tanpa sempadan.



JOM DAFTAR AHLI WADAH

SCAN UNTUK SUMBANGAN
DuitNow QR
PERSATUAN WARDAH PENCERDASAN UMAT M'SIA



KADER PKPIM DIASAH PIMPIN GERAKAN SECARA STRATEGIK



SUNGAI RAMAL, 13 SEPTEMBER 2026 – Tamrin Qiyadi Kebangsaan PKPIM telah berlangsung di SEMI ABIM Sungai Ramal sebagai latihan kepimpinan tertinggi dalam sistem kaderisasi PKPIM. Program ini menampilkan Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang menyampaikan ceramah kepada barisan kader dan pimpinan muda, dengan penekanan terhadap pembinaan kepimpinan yang matang, berfikrah dan bersedia mengemudi organisasi serta membuat keputusan strategik. PKPIM menjelaskan bahawa Tamrin Qiyadi memang dirangka khusus bagi mempersiapkan kader pada tahap qiyadah, selepas melalui proses pembinaan asas dan latihan kepimpinan usrah.

Pengisian tamrin turut memberi perhatian kepada budaya syura dan amal jama'i sebagai asas kepimpinan gerakan, agar keputusan tidak bergantung pada karisma individu semata-mata tetapi dibina melalui kesatuan fikrah, kerja berpasukan dan tanggungjawab bersama. Kehadiran Presiden WADAH dalam program ini turut mencerminkan kesinambungan hubungan kaderisasi antara PKPIM, ABIM dan WADAH dalam menyediakan generasi pelapis yang mempunyai kekuatan spiritual, intelektual dan organisasi.

KEDAH TELITI TATANAN DUNIA DAN ANCAMAN KESELAMATAN WATAN

JITRA, 14 SEPTEMBER 2026 – Seminar Antarabangsa Geopolitik dan Perubahan Global telah berlangsung di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, sempena Ijtimak Harakiy WAP Kedah Kali Ke-8. Program anjuran bersama YADIM Kedah, WADAH Kedah, ABIM Kedah, PKPIM Kedah, Institut Aminuddin Baki dan Akademi Kenegaraan Malaysia ini menghimpunkan pimpinan gerakan, ahli akademik serta pakar keselamatan.





Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizudin Ahmad, menyampaikan ucaptama bertajuk "Perubahan Tatanan Dunia dan Masa Depan Malaysia & Dunia Islam", yang menekankan keperluan Malaysia dan dunia Islam membina daya fikir strategik, ketahanan moral serta keupayaan membaca perubahan kuasa global.

Wacana khas turut menampilkan ASP Syafarin Ahmad Fuat, Encik Ayub Ahmad dan Cikgu Azmi Abdul Hamid yang mengupas ancaman perang hibrid, disinformasi, isu 3R, ketahanan kenegaraan serta solidariti terhadap isu kemanusiaan global. Program ini membawa mesej bahawa keselamatan watan tidak hanya bergantung pada kekuatan fizikal, tetapi juga masyarakat yang celik geopolitik, berintegriti dan bersatu dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks.







PULAU PINANG ANGKAT GEOPOLITIK DALAM IJTIMAK HARAKIY WAP

BAYAN LEPAS, 14 SEPTEMBER 2026 – Ijtimak Harakiy WADAH-ABIM-PEMBIMBING (WAP) Pulau Pinang 2026 telah berlangsung di Dewan Al-Fateh, Kompleks Pendidikan Uthmaniah, Bayan Lepas, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.15 tengah hari. Program gabungan tahunan ini menghimpunkan pimpinan dan ahli WAP Pulau Pinang dalam medan penyatuan fikrah, pengukuhan ukhuwah serta penyelarasan gerak kerja dakwah. Presiden WADAH, YBhg. Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menyempurnakan perasmian dan menyampaikan ucaptama bertajuk "Impak Krisis Geopolitik Terhadap Masa Depan Malaysia", dengan penekanan terhadap perubahan kuasa global, ancaman berita palsu dan keperluan melahirkan generasi du'at digital yang celik maklumat serta berfikiran strategik.

Ijtimak turut menampilkan Forum "Impak Krisis Geopolitik & Kebangkitan Umat Kalis Masa Depan" bersama Tuan Haji Amidi Dato' Abdul Manan, Ustaz Mohammad Fadzil Alias dan Tuan Haji Hamdan Mohd. Hassan, disusuli Syarahan Ummatik oleh Dr. Ahmad El-Muhammady bin Muhammad Uthman El-Muhammady mengenai keselamatan serantau dan daya tahan masyarakat. Program diakhiri dengan Sidang Resolusi yang menegaskan komitmen WAP Pulau Pinang untuk membina gerakan dakwah yang berilmu, progresif dan mampu mendepani perubahan geopolitik serta cabaran era digital secara matang.









14 KOMUNITI BERSATU
BENTENGI KELUARGA ERA DIGITAL

KUALA LUMPUR, 16 SEPTEMBER 2026 – Seminar Keibubapaan Era Digital telah berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 1.30 tengah hari di Dewan Masyarakat Taman Medan Idaman, Kuala Lumpur, menghimpunkan seramai 180 peserta daripada 14 komuniti sekitar Parlimen Wangsa Maju. Program ini dirasmikan oleh Presiden ABIM, Tuan Ahmad Fahmi Mohd Samsudin, manakala pengisian utama disampaikan oleh DSP Mazlan Johar mengenai ancaman sosial dan keselamatan keluarga, Puan Hajah Badariah Ismail mengenai pendidikan generasi digital serta Puan Norazla Abdul Wahab berkaitan perlindungan undang-undang keluarga dalam era digital.

Seminar ini memberi penekanan kepada pembinaan keluarga yang lebih celik risiko, matang dalam mendidik anak dan bersedia menghadapi ancaman siber, buli digital, penyalahgunaan gajet serta cabaran sosial semasa. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Pengerusi SALWA WADAH, Puan Hajah Nordiran Idris, disusuli pengagihan Bakul Kasih kepada peserta sebagai sebahagian daripada pendekatan WADAH yang menggabungkan pendidikan keluarga dengan santunan kebajikan komuniti.





HARI MALAYSIA SATUKAN WARGA KOTA, SEMAI HUBB AL-WATAN





KUALA LUMPUR, 16 SEPTEMBER 2026 – Usrah Gabungan WAP Wilayah Persekutuan telah berlangsung di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB) bermula jam 7.30 malam, menghimpunkan lebih 100 peserta daripada WADAH, SALWA, ABIM, PPIWP, komuniti PPR, golongan profesional, penjawat awam serta mahasiswa antarabangsa. Sempena Hari Malaysia, Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menyampaikan pengisian bertajuk "Hubb Al-Watan: Antara Perubahan Politik atau Reformasi Kenegaraan?" yang mengajak peserta memahami kecintaan kepada negara sebagai amanah yang perlu diterjemahkan melalui keadilan, integriti dan pembelaan rakyat.

Dalam perkongsiannya, beliau menggariskan lima asas penting iaitu membela kebajikan rakyat, mendahulukan maslahat awam, memerangi rasuah, membasmi kemiskinan serta memulakan perubahan daripada diri sendiri. Program yang turut diserikan dengan bacaan al-Mathurat, solat berjemaah dan nyanyian lagu patriotik ini membawa mesej bahawa patriotisme bukan sekadar simbol dan slogan, tetapi tuntutan untuk membina masyarakat yang adil, bersatu dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara.

SYARAHAN MADANI UIAM KUPAS CABARAN PERADABAN DUNIA SEMASA





GOMBAK, 23 SEPTEMBER 2026 – Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menghadiri Syarahan MADANI Abad Ke-21 Siri 4 yang berlangsung selepas solat Isyak di masjid Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gombak. Syarahan disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor UIAM merangkap Penyandang Kursi Al-Ghazali, dan turut diadakan bersempena Minggu Ta'aruf mahasiswa baharu sesi 2026/2027.

Pengisian kali ini membawa peserta menelusuri perkembangan peradaban dunia, termasuk kesan kolonialisme Barat, persaingan kuasa, budaya kepuakan dan monopoli yang membentuk landskap sosiopolitik moden. Wacana tersebut seterusnya mengangkat gagasan MADANI sebagai kerangka untuk memahami perubahan semasa serta membina masyarakat yang berteraskan ilmu, keadilan dan nilai peradaban, meneruskan siri syarahan Prof. Osman yang sebelum ini membincangkan sejarah MADANI, masyarakat sivil dan pembinaan insan Madani.

JOM DAFTAR AHLI WADAH

SCAN UNTUK SUMBANGAN
DuitNow QR
PERSATUAN WARDAH PENCERDASAN UMAT M'SIA

PUTRAJAYA HIMPUN NGO DUNIA ISLAM, WADAH JADI TUAN RUMAH









PUTRAJAYA, 24–26 SEPTEMBER 2026 – WADAH telah dipilih sebagai tuan rumah Mesyuarat Majlis Ke-40 Kesatuan Pertubuhan Bukan Kerajaan Dunia Islam (UNIW) yang menghimpunkan lebih 40 perwakilan daripada lebih 16 negara. Pertemuan di Royal Park Hotel, Putrajaya itu melibatkan ahli Majlis Tertinggi UNIW, wakil sekretariat antarabangsa dan pimpinan masyarakat sivil bagi membincangkan penyelarasan gerak kerja, dasar masa depan serta kerjasama rentas negara dalam bidang kebajikan, pendidikan dan bantuan kemanusiaan.

Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, dalam ucapan pembukaan menyeru NGO dunia Islam agar tidak berhenti pada deklarasi semata-mata, sebaliknya menterjemahkan solidariti kepada tindakan strategik yang praktikal. Beliau turut menekankan keperluan masyarakat sivil Islam membaca perubahan geopolitik dengan lebih jernih serta membina kerjasama yang mampu memberi impak langsung kepada umat. Mesyuarat ini turut disertai Setiausaha Agung UNIW, Eyup Akbal, bersama ahli majlis dari pelbagai negara.

Rangkaian program diteruskan pada 26 September melalui persidangan antarabangsa "Geopolitics and Global Changes in Islamic World" di Universiti Putra Malaysia (UPM), yang membuka ruang dialog bersama sarjana, aktivis kemanusiaan dan mahasiswa mengenai perubahan tatanan dunia Islam. Penganjuran ini mengukuhkan lagi kedudukan WADAH sebagai penghubung jaringan masyarakat sivil Malaysia dengan gerakan NGO antarabangsa, selain memperluas ruang kolaborasi strategik demi kepentingan ummah.

Kenyataan Akhbar

BERHATI-HATI MENGGUNAKAN NAMA SYURGA DAN NERAKA DALAM POLITIK



6 SEPTEMBER 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengambil perhatian terhadap kenyataan Setiausaha Agung Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, yang mengaitkan sokongan politik dengan persoalan syurga dan neraka. Kenyataan tersebut wajar ditanggapi secara serius kerana penggunaan istilah dan autoriti agama dalam persaingan politik mempunyai implikasi besar terhadap kefahaman masyarakat terhadap Islam.

WADAH berpandangan bahawa persoalan syurga dan neraka adalah perkara akidah dan keputusan mutlak Allah SWT, bukan sesuatu yang sewajarnya dijadikan instrumen untuk mengikat pilihan politik rakyat.

Al-Quran mengingatkan:
"Maka janganlah kamu menganggap dirimu suci. Dialah yang paling mengetahui tentang orang yang bertakwa."
(Surah al-Najm, 53:32)

Islam mengajar umatnya supaya menyampaikan kebenaran dengan ilmu, hikmah dan hujah, bukan dengan memberikan gambaran bahawa pilihan terhadap parti atau tokoh politik tertentu secara langsung menentukan kedudukan seseorang di akhirat.

Wadah berpandangan dalam demokrasi, rakyat mempunyai hak untuk memilih berdasarkan pertimbangan ilmu, integriti, rekod perkhidmatan, kemampuan memimpin dan kemaslahatan negara.

Perbezaan pilihan politik tidak sewajarnya ditukar menjadi ukuran iman dan kufur, syurga dan neraka, atau baik dan buruknya seseorang Muslim.

WADAH menegaskan bahawa mengundi adalah suatu keputusan politik; syurga dan neraka pula adalah ketetapan Allah SWT berdasarkan ilmu, keadilan dan rahmat-Nya.

Justeru, kita boleh berbeza parti, pendekatan dan strategi politik, tetapi perbezaan tersebut hendaklah diurus dengan adab al-ikhtilaf.

Jangan sampai persaingan politik melahirkan budaya mencela, menyesatkan, memfitnah, memperlekeh atau menghukum pihak yang berbeza.

Rasulullah SAW bersabda:
"Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam."
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Oleh yang demikian, WADAH berpandangan bahawa parti politik yang membawa nama dan imej Islam mempunyai tanggungjawab moral yang lebih besar untuk memastikan bahasa politiknya mencerminkan rahmah, hikmah, keadilan dan akhlak Islam.

Islam tidak seharusnya dipersembahkan seolah-olah menjadi milik eksklusif mana-mana parti politik.

Parti politik boleh berubah, kepimpinan boleh berubah dan strategi politik boleh berubah. Tetapi prinsip agama keadilan, amanah, rahmah, kebenaran dan kemuliaan insan tidak boleh dijadikan alat untuk memenangkan persaingan kepartian.

Akhirnya, WADAH menyeru semua pemimpin politik agar membina politik pencerdasan umat, bukan politik yang mengeksploitasi ketakutan agama.

Rakyat perlu diberikan hujah tentang dasar, ekonomi, pendidikan, integriti, keadilan sosial, tatakelola, perpaduan dan masa depan negara.

Persaingan politik sepatutnya menjawab persoalan siapakah yang paling amanah,

siapakah yang paling adil, siapakah yang paling berkeupayaan,siapakah yang paling mampu membawa maslahat kepada rakyat dan negara. Bukan siapa masuk syurga dan siapa masuk neraka kerana pilihan politiknya.

WADAH juga menyeru semua parti politik, khususnya parti-parti yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan, supaya memperlihatkan contoh Politik beradab.

Perbezaan adalah sunnatullah. Demokrasi menyediakan ruang untuk perbezaan tersebut diurus melalui dialog, musyawarah, pilihan raya dan proses perlembagaan.

Oleh itu, WADAH mengajak seluruh pemimpin politik Malaysia untuk:

1 Menghentikan penggunaan syurga dan neraka sebagai retorik persaingan kepartian;

2 Mengelakkan penghukuman terhadap keimanan seseorang berdasarkan pilihan politiknya;

3 Memelihara adab al-ikhtilaf dalam perbezaan politik;

4 Mengutamakan hujah, fakta dan prestasi dalam mendapatkan sokongan rakyat;

5 Mengembalikan politik kepada tujuan asalnya sebagai khidmat kepada manusia dan amanah kepada Allah SWT.

WADAH percaya bahawa politik yang berteraskan Islam seharusnya menjadikan manusia lebih beradab, masyarakat lebih bersatu dan negara lebih sejahtera.

Kita tidak perlu menentukan siapa ke syurga dan siapa ke neraka dalam gelanggang politik.

Tugas kita ialah menegakkan kebenaran, berlaku adil, menjaga maruah manusia dan membina kemaslahatan. Penghakiman terakhir adalah milik Allah SWT.

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan…”
(Surah al-Nahl, 16:90)

HAJI HASRI BIN HARUN
Timbalan Presiden

Kenyataan Akhbar

SYURGA BUKAN MILIK MANA-MANA PARTI POLITIK – HIKAM



6 SEPTEMBER 2026

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) mengambil perhatian serius terhadap kenyataan Setiausaha Agung Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Seri Takiyuddin Hassan, yang mengaitkan perjuangan melalui PAS dengan ganjaran syurga.

HIKAM berpandangan bahawa kenyataan berkaitan syurga dan neraka hendaklah dibuat dengan penuh cermat dan berasaskan disiplin ilmu. Persoalan keselamatan seseorang di akhirat merupakan perkara akidah dan alam ghaib yang ketentuannya adalah hak mutlak Allah SWT, bukan sesuatu yang sewajarnya dikaitkan secara pasti dengan keanggotaan, sokongan atau perjuangan melalui mana-mana parti politik.

Syurga adalah Ganjaran Allah, Bukan Jaminan Kepartian

Allah SWT berfirman:

"Dan mereka berkata: Tidak sekali-kali akan masuk syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani. Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah: Bawalah bukti kamu jika kamu orang-orang yang benar."

(Surah al-Baqarah, 2:111)

Ayat berikutnya menjelaskan bahawa ganjaran di sisi Allah adalah bagi mereka yang menyerahkan diri kepada-Nya dan melakukan kebaikan.

HIKAM mengakui bahawa memperjuangkan Islam, menegakkan keadilan, mempertahankan kebenaran, menolak kezaliman dan berkhidmat kepada manusia merupakan amal yang mulia apabila dilakukan dengan iman, ikhlas serta menepati petunjuk syarak.

Namun, perjuangan Islam tidak boleh dimonopoli oleh mana-mana parti politik.

Keanggotaan atau sokongan kepada sesebuah parti tidak dengan sendirinya menjadi jaminan seseorang memperoleh syurga. Demikian juga perbezaan pilihan politik tidak menentukan kedudukan seseorang di sisi Allah SWT.

Allah SWT mengingatkan:

"Maka janganlah kamu menganggap diri kamu suci. Dialah yang paling mengetahui siapa yang bertakwa."

(Surah al-Najm, 53:32)

Sabda Rasulullah SAW:

"Tidak ada seorang pun di antara kamu yang akan masuk syurga kerana amalannya semata-mata". Para sahabat bertanya: "Tidak juga engkau, ya Rasulullah?" Baginda menjawab: "Tidak juga aku, kecuali jika Allah melimpahkan rahmat-Nya kepadaku."

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Pendirian Institusi Fatwa

HIKAM ingin menarik perhatian kepada Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan yang diwartakan pada tahun 2001, berhubung dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada pihak tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam dilayakkan ke syurga serta kenyataan bahawa orang tertentu akan ditempatkan di neraka.

Fatwa tersebut menegaskan:

"Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah SWT."

Fatwa berkenaan turut menetapkan bahawa dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam dilayakkan ke syurga atau neraka adalah salah menurut ajaran Islam.

HIKAM juga mengambil perhatian terhadap Tinta Mufti Bil. 128/2026, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, bertarikh 5 September 2026, bertajuk "Syurga Bukan Milik Eksklusif Mana-Mana Kumpulan".

Kenyataan tersebut menegaskan bahawa syurga bukan hak eksklusif mana-mana kumpulan. Ganjaran Allah SWT berkait dengan iman, tauhid dan amal soleh seseorang, bukannya semata-mata kesetiaan kepada kelompok atau tokoh tertentu.

Kedua-dua rujukan ini memberikan pedoman bahawa persoalan syurga dan neraka hendaklah dibicarakan menurut neraca wahyu dan akidah, bukan dijadikan instrumen persaingan kepartian.

Islam adalah Wahyu, Parti Politik adalah Ijtihad Manusia

HIKAM menegaskan bahawa Islam tidak dipisahkan daripada politik. Sebaliknya, agama mestilah menjadi mizan yang membimbing politik melalui prinsip keadilan, amanah, rahmah, ihsan dan kemaslahatan manusia.

Namun, terdapat perbezaan asas yang mesti difahami:

Islam adalah wahyu daripada Allah SWT, manakala parti politik ialah wadah dan hasil ijtihad manusia.

Parti, kepimpinan, strategi dan kerjasama politik boleh berubah. Ijtihad politik juga boleh benar dan boleh tersilap.

Justeru, tidak wajar mana-mana parti memberikan gambaran seolah-olah dirinya mempunyai hak eksklusif mewakili Islam sehingga sokongan kepadanya dikaitkan dengan keselamatan seseorang di akhirat.

Dalam sebuah negara demokrasi, umat Islam boleh berbeza dalam memilih parti, calon, pendekatan dan strategi politik berdasarkan pertimbangan maslahat dan mafsadah.

Perbezaan dalam wilayah ijtihad siasah hendaklah diurus dengan ilmu dan adab, bukan ditukar menjadi ukuran syurga dan neraka.

Politik Islam Mestilah Mencerdaskan Rakyat

HIKAM menyeru semua parti politik, khususnya yang membawa nama dan imej Islam, supaya membangunkan politik pencerdasan, bukan politik yang mengeksploitasi ketakutan agama.

Rakyat sewajarnya diberikan hujah dan fakta mengenai ekonomi, pendidikan, integriti, tatakelola, keadilan sosial, kos sara hidup, perpaduan serta masa depan negara.

Persaingan politik sewajarnya menjawab persoalan:

Siapakah yang lebih amanah?
Siapakah yang lebih adil?
Siapakah yang lebih berintegriti?
Siapakah yang lebih berkeupayaan?
Dan siapakah yang lebih mampu membawa maslahat kepada rakyat dan negara?

Bukannya siapa yang akan masuk syurga atau neraka kerana pilihan politiknya.

Pelihara Adab al-Ikhtilaf

Perbezaan politik tidak seharusnya membawa kepada budaya mencela, menyesatkan, memfitnah, memperlekeh atau menghukum keimanan pihak yang berbeza.

Allah SWT berfirman:

"Dan janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah; kerana adil itu lebih dekat kepada takwa."

(Surah al-Ma'idah, 5:8)

Parti dan pemimpin yang membawa nama Islam mempunyai tanggungjawab lebih besar untuk memastikan bahasa serta amalan politik mencerminkan rahmah, hikmah, keadilan dan akhlak Islam.

Lima Seruan HIKAM

Sehubungan itu, HIKAM menyeru semua pemimpin dan parti politik supaya:

1. Mengelakkan penggunaan syurga dan neraka sebagai retorik untuk mendapatkan sokongan kepartian.
2. Tidak mengaitkan keselamatan akhirat seseorang dengan keanggotaan atau sokongan kepada mana-mana parti atau kelompok;
3. Memelihara adab al-ikhtilaf dalam mengurus perbezaan politik;
4. Mengutamakan hujah, fakta, integriti, dasar dan prestasi dalam mendapatkan kepercayaan rakyat; dan
5. Mengembalikan politik kepada tujuan besarnya sebagai khidmat kepada manusia, usaha menegakkan keadilan dan amanah di hadapan Allah SWT.

Penutup

HIKAM percaya bahawa politik yang benar-benar dipandu oleh Islam seharusnya menjadikan manusia lebih beradab, masyarakat lebih bersatu dan negara lebih sejahtera.

Kita tidak perlu menentukan siapa ke syurga dan siapa ke neraka dalam gelanggang persaingan politik.

Tanggungjawab kita ialah menegakkan kebenaran, berlaku adil, memelihara maruah manusia dan membina kemaslahatan.

Politik adalah medan amanah dan ijtihad manusia.
Syurga dan neraka adalah ketentuan Allah SWT.
Penghakiman terakhir adalah milik-Nya.

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)


1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

Sekretariat HIKAM

Azizuddin Ahmad
Setiausaha Agung WADAH
Mohd. Hafiz Abd. Hamid
Setiausaha Agung IKRAM
Ahmad Fawwaz Ahmad Shukri
Setiausaha Agung ABIM
Mohd. Sabbri Md. Yudin
Setiausaha Agung HALUAN

Kenyataan Akhbar

TAHANAN RUMAH DATUK SERI NAJIB: KUASA PENGAMPUNAN DIHORMATI, MEKANISME PELAKSANAAN MESTI DIPERJELASKAN



18 SEPTEMBER 2026

KUASA PENGAMPUNAN DIHORMATI

Majlis Al-Mizan–WADAH mengambil maklum kenyataan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, bahawa Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pengampunan bersyarat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menjalani baki hukuman kes SRC International secara tahanan rumah sehingga 23 Ogos 2028, tertakluk kepada pembayaran denda RM50 juta dan syarat-syarat yang ditetapkan. Keputusan itu dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pada 18 September 2026.

Untuk ketepatan rekod, denda RM50 juta tersebut bukan denda baharu. Ia ialah denda RM210 juta yang dikurangkan melalui keputusan Lembaga Pengampunan pada 29 Januari 2024, yang turut mengurangkan hukuman penjara daripada 12 tahun kepada enam tahun.

Majlis Al-Mizan–WADAH menghormati kuasa pengampunan Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan. Namun, penghormatan terhadap kuasa itu tidak meniadakan keperluan supaya perintah pengampunan dilaksanakan dengan jelas, teratur dan menurut undang-undang. Kuasa memberikan lega hukum bersumberkan Perlembagaan, manakala pentadbiran pelaksanaannya memerlukan asas perundangan dan tatacara yang nyata.

KEKOSONGAN KERANGKA PELAKSANAAN

Dalam prosiding berkaitan Titah Adendum, Mahkamah Tinggi pada 22 Disember 2025 menolak permohonan Datuk Seri Najib untuk menjalani baki hukuman SRC International sebagai tahanan rumah. Antara persoalan yang timbul ialah ketiadaan peruntukan khusus mengenai tahanan rumah dalam undang-undang Malaysia serta hakikat bahawa seksyen 43 Akta Penjara 1995 mengenai pelepasan banduan secara lesen tidak dengan sendirinya mewujudkan rejim tahanan rumah.

Keputusan terbaharu ini mempunyai kedudukan fakta dan perlembagaan yang berbeza kerana dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pengampunan mengikut Perkara 42. Persoalan tatacara pengampunan telah terjawab, tetapi persoalan utama masih kekal: apakah instrumen undang-undang yang akan digunakan untuk melaksanakan tahanan rumah tersebut?

Rang Undang-Undang Penjara (Pindaan) 2026, yang antara lain mencadangkan penggunaan peranti pengawasan elektronik dan memperluas takrif banduan kepada mereka yang dilepaskan secara berlesen di bawah seksyen 43, telah ditangguhkan di Dewan Rakyat pada 25 Jun 2026 dan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Setakat tarikh kenyataan ini, RUU tersebut belum diluluskan. Peruntukan yang paling hampir dengan pengawasan di luar penjara masih berada di peringkat penelitian Parlimen, sedangkan perintah tahanan rumah dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat.

PENJELASAN YANG DIPERLUKAN

Majlis Al-Mizan–WADAH menyeru Kerajaan dan pihak berkuasa berkaitan menjelaskan perkara berikut:

1 Instrumen undang-undang yang digunakan, sama ada di bawah Akta Penjara 1995, lesen seksyen 43 atau instrumen lain;

2 Status kediaman yang ditetapkan, termasuk sama ada ia akan diwartakan atau disifatkan sebagai tempat tahanan;

3 Agensi yang bertanggungjawab mengawasi tahanan serta sumber kuasanya;

4 Sekatan pergerakan dan bentuk pengawasan, termasuk asas penggunaan peranti elektronik sekiranya berkenaan;

5 Syarat berkaitan pelawat, telefon, internet, media sosial, komunikasi awam dan kegiatan politik;

6 Pihak yang menentukan pelanggaran syarat, tatacaranya dan hak untuk didengar sebelum pengampunan bersyarat dibatalkan;

7 Sama ada tempoh tahanan rumah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh hukuman; dan

8 Kesan sekiranya denda RM50 juta tidak dijelaskan, termasuk kemungkinan tambahan tempoh pemenjaraan.

Ini bukan persoalan politik atau akademik. Kegagalan mematuhi syarat boleh membatalkan pengampunan bersyarat dan menyebabkan Datuk Seri Najib kembali menjalani baki hukuman di penjara. Oleh itu, syarat yang membawa kesan pemenjaraan semula mestilah diketahui, dapat ditentukan secara objektif dan tertakluk kepada tatacara yang sah.

KES SRC INTERNATIONAL DAN 1MDB MESTI DIBEZAKAN

Pengampunan bersyarat ini hanya berkaitan baki hukuman kes SRC International dan hendaklah dibezakan daripada sabitan dalam kes 1MDB. Pada 26 Disember 2025, Mahkamah Tinggi mensabitkan Datuk Seri Najib atas empat pertuduhan menggunakan kedudukan untuk memperoleh suapan dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan RM2.3 bilion dana 1MDB, lalu menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun serta denda RM11.4 bilion. Di bawah seksyen 292 Kanun Prosedur Jenayah, hukuman itu hanya bermula selepas tamat hukuman terdahulu dalam kes SRC International.

Datuk Seri Najib telah memfailkan rayuan; sabitan tersebut belum muktamad dan hak rayuannya hendaklah dihormati sepenuhnya. Namun, pihak berkuasa perlu menjelaskan kedudukannya selepas

23 Ogos 2028 sekiranya sabitan dan hukuman 1MDB masih berkuat kuasa. Pada zahir kenyataan rasmi, perintah tahanan rumah hanya meliputi baki hukuman SRC International dan tidak menyentuh, meminda atau merangkumi hukuman berasingan dalam kes 1MDB.

KEPASTIAN UNDANG-UNDANG DAN KESAKSAMAAN

Pendirian Majlis Al-Mizan–WADAH berasaskan dua prinsip. Pertama, kepastian undang-undang. Seorang banduan tetap berhak mendapat layanan yang sah dan adil. Pada masa yang sama, seseorang tidak wajar menerima bentuk pelaksanaan hukuman tanpa parameter undang-undang yang jelas hanya kerana pernah memegang jawatan tinggi.

Kedua, kesaksamaan di sisi undang-undang. Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa semua orang sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama. Jika tahanan rumah kini menjadi suatu bentuk pelaksanaan hukuman, kriteria kelayakan, tatacara permohonan, bentuk pengawasan dan akibat pelanggaran mestilah diketahui umum serta terpakai kepada semua banduan yang layak, bukan ditentukan secara ad hoc mengikut individu.

Undang-undang yang baik bukan sahaja menentukan siapa yang dihukum, tetapi juga bagaimana hukuman dilaksanakan, siapa yang mengawasinya, apakah batasannya dan apakah akibat sekiranya batas itu dilanggar.

SARANAN AL-MIZAN–WADAH

1 BHEUU dan Kementerian Dalam Negeri menerbitkan kenyataan susulan yang menjelaskan sumber kuasa undang-undang, instrumen pelaksanaan, agensi bertanggungjawab dan syarat utama perintah tahanan rumah;

2 Tatacara penentuan pelanggaran syarat dinyatakan secara bertulis, termasuk pihak yang membuat penentuan dan hak untuk didengar sebelum pengampunan bersyarat dibatalkan;

3 Rang Undang-Undang Penjara (Pindaan) 2026 dikemukakan semula dengan peruntukan jelas mengenai tahanan di luar institusi penjara, meliputi kriteria kelayakan, agensi pengawas, batasan dan kesan pelanggaran; dan

4 Kerangka yang sama dilaksanakan secara saksama kepada semua banduan yang memenuhi kriteria, dengan laporan pelaksanaan dibentangkan secara berkala kepada Parlimen.

Pendedahan ini tidak perlu merangkumi perkara keselamatan yang sensitif. Namun, prinsip, sumber kuasa, syarat utama dan mekanisme pengawasan mesti cukup jelas bagi mengelakkan sistem tahanan rumah yang bergantung pada tafsiran pentadbiran secara ad hoc.

PENUTUP

Hari ini perkara ini melibatkan seorang bekas Perdana Menteri; pada masa hadapan, mekanisme yang sama mungkin melibatkan orang lain. Justeru, persoalan institusi yang lebih penting bukan semata-mata sama ada Datuk Seri Najib patut diberikan tahanan rumah, tetapi apakah undang-undang yang mengawal tahanan tersebut apabila negara melaksanakannya.

Dalam sebuah negara yang menjunjung kedaulatan undang-undang, jawapan kepada persoalan itu mestilah jelas.

MAJLIS AL-MIZAN – WADAH

KULIAH PAGI SALWA

TAHSIN SURAH YAASIN



SELANGOR, 12 SEPTEMBER 2026 | SABTU – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Dr. Nor Salimah Mansor, Ketua SALWA Terengganu. Seramai 73 orang ahli SALWA Malaysia telah hadir dalam talian. Kuliah ini telah diadakan pada 30 Rabiulawwal 1448H, 7.30 – 8.45 pagi.

USRAH INTERAKTIF BERSAMA KOMUNITI

KUPASAN BUKU @ TADABUR AL QURAN

SELANGOR, 22 SEPTEMBER 2026 | SELASA – Usrah komuniti SALWA bersama kejiranan Teras Jernang di rumah Puan Ramlah. Usrah diadakan pada minggu ke 4 setiap bulan. Seramai 40 orang hadir bersama penceramah jemputan Ustaz Haji Afifi Ahmad (Pendakwah Bebas).







PERSIDANGAN MAJLIS PERWAKILAN SALWA KEBANGSAAN KALI KE-7



SELANGOR, 25 SEPTEMBER 2026 | JUMAAT - Persidangan Majlis Perwakilan SALWA Kebangsaan (MPSK) kali ke-7 telah diadakan di Universiti Putra Malaysia. MPSK merupakan persidangan tahunan dan medan perlaporan bagi organisasi berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Seramai 150 orang perwakilan dan pemerhati daripada seluruh negara telah hadir berkongsi pandangan dan teguran dalam memperkemaskan lagi gerak kerja SALWA sebagai sebuah pertubuhan wanita Islam yang berwibawa dan kompeten berasaskan Al-Quran dan Al-Hikmah.

Bersempena MPSK, SALWA juga turut menganugerahkan Tokoh Dakwah kepada dua orang tokoh iaitu Dr. Maimunah Ropar (Terengganu) dan Ustazah Che Zarah Omar (Wilayah Persekutuan).





























MAJLIS
PERWAKILAN
SALWA
KEBANGSAAN
MPSK7
2026


SALWA
KEBANGSAAN
(MPSK) KE-7
MPSK7
2026




Ijtimak
Harakiy
8
WADAH-ABIM-PKPIM


MAJLIS
PERWAKILAN
SALWA
KEBANGSAAN
(MPSK) KE-7
MPSK7
2026

BENGKEL KEIBUBAPAAN ERA DIGITAL

Lensa Siri Bengkel Keibubapaan Era Digital, WADAH dan MAIWP. SALWA telah berkerjasama menganjurkan empat bengkel di PPR dan Perumahan awam di Wilayah Persekutuan. Bengkel menumpukan kepada peranan ibubapa dan komuniti dalam membina generasi berwibawa dan sejahtera.





6 SEPTEMBER 2026 Di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi. Seramai 100 orang peserta daripada PPR Cochrane Perkasa & PPR Kg Baru Air Panas telah hadir.



12 September 2026 di Dewan Terbuka PPR Seri Semarak. Seramai 100 orang peserta daripada PPR Seri Semarak telah hadir.







16 SEPTEMBER 2026 di Dewan Masyarakat Taman Medan Idaman. Anjuran bersama Komuniti Madani, WADAH, MAIWP, Pusat Tunas Nahdah dan SALWA Wilayah Persekutuan. Seramai 180 orang peserta daripada 14 komuniti sekitar Wangsa Maju telah hadir.